

SIRI KUMPULAN  
CERPEN  
PILIHAN  
ABAD KE-20

# TONIL PURBAWARA

SHANNON AHMAD

SASTERAWAN NEGARA



## Angan-angan Mr. Proudfoot

*S*EBUAH cerpen adalah suatu luahan rasa radangku. Kusentap kertas dan kuketik dan ketik dan ketik....

Kedua-dua belah lubang hidungnya giat dikemut-kemut macam mengemut lubang dubur sendiri waktu mangli berhomo dengan *buddy* sekamarnya ketika di Buffalo dulu. Mr. Proudfoot masih ingat sangat-sangat. Tetapi kini kemutan hidung itu lain sekali muslihatnya. Dia tidak dapat tahan. Bagaimana orang-orang Asia di sini begitu ghairah mengunyah dan menelan isi buah berduri berwarna tahi dan berbau bangkai itu. Ini yang menimbulkan tanda tanya dalam diri Mr. Proudfoot.

Tanda tanya itu cepat pula lesap apabila Mr. Proudfoot mengingati kembali sejarah orang-orang di sebelah sini yang masih mengamal peradaban Jakun. Terlalu primitif. Amat jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan anak-anak buahnya di States. Sering pula timbul suatu macam rasa simpati kepada jakun-jakun ini. Dia sama sekali tidak keberatan memberikan sesuatu yang baik untuk membuka jalan dan menerangkan sesuatu yang moden; malah

dirasainya kedatangannya ke sini pun khas dikirim oleh suatu kuasa ghaib untuk memberi petunjuk dan pengetahuan.

Perasaan begitu menyebabkan kepalanya yang tergerbang itu terasa lebih gerbang. Memang pun dia dijemput khusus ke kampus ini untuk meluahkan segala yang ada. Sekurang-kurangnya mahasiswa-mahasiswa ini perlu didedahkan kepada segala aliran fahaman supaya kelak ada kompleksitinya. Kalau perlu ideologi Troksky atau Mao wajib disebutkan. Kalau perlu lagi mesti berkenalan dengan Lenin atau Che Guevara atau Castro atau Idi Amin.

Meloya rasa tekak dan terus meludah ke tanah. Kalau perlu lagi akan dia salurkan juga muzik-muzik wimangki, mibaboon, kocak-me-kocak dan boh-me-boh agar kelembutan gerak-geri anak-anak keparat ini bertukar terus. Segala urat saraf perlu diubah. Narkotik perlu ada.

Mr. Proudfoot amat yakin dia boleh memberikan segala itu. Tiga tahun di kampus sudah cukup untuk mengatur langkah. Dan ini boleh dilanjutkan lagi kalau kesannya berbekas. Sambutan daripada mahasiswa pasti menarik perhatian. Mereka akan tunduk mengemis peradaban yang dibawa. Sesungguhnya dia sendiri amat malu menggelarkan golongan itu para mahasiswa. Mereka hanya sekelompok pengemis.

Ah! Kadang-kadang apabila memikirkan jurang yang begitu mendalam antara bangsanya yang bertamadun dengan bangsa di sini yang masih berprimitif, Mr. Proudfoot berasa amat bertuah.

Dia tarik nafas panjang. Lapang dadanya bagaikan sebuah balang kaca yang pakum. Kedatangannya tidak ubah seperti turunnya seorang nabi bagi menyampaikan amanat yang paling suci untuk orang-orang primitif di daerah sebelah Asia ini. Tetapi perasaan itu lantas tersinggung apabila pertama kali dia melangkah masuk pintu gerbang hala ke kampus. Seorang pengawal kenek menyerbu keluar,

menggawang-gawang tangan dan menelitinya atas bawah. Mr. Proudfoot cukup simpati dengan manusia di depannya yang berbungkus kemas di tengah-tengah terik matahari itu. Pengawal tegak berdiri menyekat perjalanannya. Kaki yang telanjang berkuku panjang dan hitam diteliti. Lalu pandangan itu merayap ke betis yang berbulu kasar sehingga tertampam kaki seluar pendek yang berumbai-umbai pinggirnya. Pandangan itu merayap lagi ke baju singlet yang berdaki dan kemudian singgah di muka yang berjambang tidak senonoh. Dan akhirnya pandangan itu menetap di rambut yang kusut bergerbang macam sarang enggang yang tertinggal.

“*Hippie? Drug?*”

Mr. Proudfoot cukup tersinggung. Kurang ajar. Apa orang di sini amat bingung hingga tidak tahu bezakan antara orang bertamadun dengan orang primitif? Apa kau tidak kenal warnaku? Beladifaki! Memang birokrasi berkarat di mana-mana di daerah ini. O.K. Tidak mengapa. Kelak dia akan tubuh *slum gang* dan *motorcycle gang* di kalangan mahasiswa secepat mungkin untuk mengajar birokrat-birokrat ini. Dia akan alirkan rasa *frustrasi*, *rage* dan *violence* di kalangan mahasiswa supaya pintar *booing* dan bersorak. Kalau perlu dia mahu saja telanjang di depan pengawal di situ juga mempamerkan segala benda *original*. Membogel adalah murni. Kehilangan dara dan teruna adalah agung.

Tetapi Mr. Proudfoot berasa tidak perlu disambut dengan kekerasan segala teguran itu. Sudahlah pengawal kampus itu primitif, dia sendiri pun akan turut menjadi primitif kalau terus bertegang. Biarkan. Nanti seminggu dua lagi akan disuapi narkotik. Biar mereka sama-sama berlocok, *berhomo* dan kalau ada yang betinanya terus saja *berlesbian*. Pada kala itulah baru mereka kenal peradaban moden.

“*Hippie? Drug?*”

Pengawal cepat jadi berang. Sekian lama dia diberi

perintah menyekat setiap rupa manusia hippy yang berselekeh masuk kampus. Ini pasti salah seorangnya.

“Siapa? Apa kerja? Mau jumpa siapa?”

Mr. Proudfoot tidak gelisah lagi mendengar sapaan sedemikian gaya. Ini Mr. Proudfoot dari Buffalo. Datang ke sini sebagai pensyarah. Aku mahu jumpa seluruh kaum primitif di dalam kampus ini. Aku mahu ajar mereka mengenal peradaban yang tidak primitif.

Mahu rasanya dia bercakap panjang-panjang menghurai satu per satu. Tetapi kehendak itu lagi dihapuskan. Tidak ada gunanya memberi kuliah di pintu gerbang ini. Esok atau lusa dia sendiri akan mengheret seribu dua ribu mahasiswa supaya duduk-duduk di pinggir pagar, kemudian berarak menentang birokrasi. Semua perlu hidup dalam kebencian, keliaran, dan keganasan. Mereka perlu tahu menghargai hidup bohemian seperti aku anak Buffalo. Perlu mesra dengan kebudayaan hippy dengan segala morfingnya, dengan segala jenis seksnya, muziknya, pakaiannya, perhubungannya, marijuananya, atau kalau tiba ketikanya akan bersama ke angkasa *berhomo* dan *berlesbian* di Nirwana. Pengawal-pengawal ini pun mesti disuntik dengan kebudayaan radikal supaya selalu beranti intelektualisme, ganas terhadap sebarang institusi, sebagai hero, dan kalau perlu terhadap sebarang Tuhan yang diadakan. Akan dia ajar bagaimana lazatnya babi goreng dan daging manusia sendiri.

Mr. Proudfoot begitu optimis dengan khayalannya. Dia tahu segala pengetahuan itu ada tersimpan dalam dadanya selama ini. Dia akan luahkan, akan muntahkan untuk semua yang ada. Orang-orang di sini perlu lari dari dunia nyata ini. Adakan hubungan seks secara leluasa di mana saja kerana hubungan ini hanya sekadar pertukaran objek dengan objek, material dengan material. Perlu ada rasa megah dan sombong apabila dara si gadis ternoda. Dan gadis-gadis itu perlu ditukar menjadi sosial eskot. Perlu berulang-alik bukan saja ke bilik kuliah malah ke kelab

TONIL PURBAWARA

malam, ke bar, ke rumah urut ataupun terus ke brothel.

Mr. Proudfoot menyeluk saku belakang yang terkapuk di punggung seluar pendeknya yang sentiasa berkulat. Dia mengeluarkan secebis kertas yang keronyok lalu diunjukkan kepada pengawal. Pengawal mengelebek kertas itu lalu membaca yang mustahak-mustahak. Mr. Enre Proudfoot. 35 tahun. Pensyarah. Buffalo. Kursus kebinatangan. Bujang. \$2000/= gaji. Tiga tahun.

Pengawal masih kurang yakin. Mana boleh seekor lotong dengan kaki telanjang berkuku hitam, dengan badan berbulu dan berdaki, dengan rambut bersergum boleh jadi mahaguru kepada anak-anak di sini.